



Kadar kemiskinan berkurangan

» 3,594 keluarga nikmati hasil pelbagai inisiatif kerajaan negeri, Pusat

Oleh Azidan Nahar

azidan@bharian.com.my

► Ledang

Seramai 3,594 keluarga miskin negeri ini berjaya dibantu keluar dari belunggu kemiskinan sehingga awal bulan ini hasil pelbagai inisiatif kerajaan negeri dan Persekutuan.

Setiausaha Kerajaan Negeri,

Datuk Obet Tawil, berkata daripada jumlah itu, seramai 3,192 ditakrifkan sebagai miskin, manakala bakinya termasuk dalam kategori miskin tegar.

Katanya, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan dari semasa ke semasa menerusi pelbagai program yang dirancang khusus bagi membantu golongan terbabit.

"Sejak 2008 kita sudah bantu kira-kira 10,000 keluarga yang berpendapatan bawah RM1,000

sebulan.

"Terbaru menerusi Program MyKasih, kita membantu golongan sasaran membeli barangan keperluan asas tanpa menggunakan wang tunai tetapi menggunakan MyKad dengan jumlah RM100 sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran program bantuan makanan kepada keluarga miskin tegar dan miskin peringkat negeri Johor di Giant, di sini, kelmarin.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, merasmikan program berkenaan. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, M Asojan; Ahli Parlimen Ledang, Ir Hamim Samuri dan

Pengerusi Yayasan MyKasih, Dr Ngau Boon Keat.

Menerusi program itu, penerima hanya perlu menunjukkan kad pengenalan untuk proses pembayaran dan akan menerima bantuan makanan asas bernilai RM100 setiap bulan sumbangan kerajaan negeri dan badan korporat untuk tempoh setahun membabitkan pembiayaan keseluruhan RM1,200.

Obet berharap badan korporat di Johor akan terus menyumbang untuk meneruskan program berkenaan supaya golongan sasaran terus dibela dan tidak berasa dipinggirkan.

Sementara itu, Abdul Ghani berkata, seramai 300 golongan miskin daripada semua kaum dari Muar, Ledang, Kluang, Segamat dan Batu Pahat mene-

rima sumbangan pada majlis berkenaan.

Katanya, program itu akan diteruskan ke daerah lain bulan ini dan pemilihan dilakukan pejabat daerah bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak menerima bantuan.

"Sumbangan ini adalah untuk meringankan beban mereka dan akan diberikan selama setahun sebelum disemak semula sama ada masih layak atau tidak menerimanya," katanya.

Abdul Ghani berkata, penerima boleh berbelanja mengikut jumlah ditetapkan di pasar raya atau kedai runcit terpilih dan penggunaan MyKad untuk memastikan tidak ada salah guna dana oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Abdul Ghani melihat harga jualan barangan pada majlis pelancaran program bantuan makanan kepada keluarga miskin tegar dan miskin peringkat negeri Johor di Giant. [FOTO AZIDAN NAHAR/ BH]